

ADA ORANG SUKA ANAK KELANTAN ABDI DIRI

BH 24 FEB 1982

KOTA BHARU, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, mendedahkan terdapatnya segelintir rakyat Kelantan yang menentang usaha untuk membolehkan orang-orang Kelantan yang berada di Singapura pulang bekerja di negeri sendiri dalam projek-projek pembangunan.

Sebaliknya, golongan ini mendakwa kononnya projek pembangunan seperti pembinaan Lebuhraya Timur-Barat, pembesaran Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan projek pelabuhan kecil di Kemasin hanya memudahkan orang luar datang dan mengancam rezeki penduduk Kelantan.

"Saya kurang faham dengan sikap ini. Ramai anak Kelantan sanggup pergi ke Singapura untuk bekerja secara langsung di bawah arahan orang Singapura.

"Apakah mereka suka anak Kelantan bekerja di negara asing untuk mengabdikan diri?" tanya Perdana Menteri ketika berucap di majlis jamuan negeri di Istana Balai Besar di sini semalam.

Perdana Menteri menegaskan, selagi peluang pekerjaan tidak cukup di Kelantan, selama itulah anak

Kelantan terpaksa berhijrah. Tetapi dengan adanya lebuhraya dan lain-lain pembangunan, mereka akan dapat balik bekerja di negeri sendiri.

Beliau berkata, rakyat Kelantan yang sebahagian besarnya umat Islam agak mundur; bukan kerana Islam menjadi penghalang tetapi kerana terdapatnya sebilangan orang Islam di Kelantan yang keislamannya cuma di bibir.

Datuk Seri Dr. Mahathir memuji kerajinan dan kecekapan orang Kelantan yang membolehkan mereka bersaing dengan sesiapa sahaja dengan jayanya.

"Segala bidang kerja dipenuhi oleh anak Kelantan sendiri sehingga tenaga mereka melimpah ke negeri-negeri jiran, bahkan ke luar negeri. Di mana sahaja ada kerja yang memerlukan kecekapan di situ terdapat orang Kelantan.

"Sepatutnya dengan terdirinya sebuah Kerajaan yang betul-betul berpegang kepada ajaran Islam seperti sekarang, Kelantan tidak mempunyai masalah lagi," tambahnya.

Malangnya, kata beliau, pengaruh politik yang tidak menghirau ajaran Islam berkembang semula. Dan hari ini sekali lagi perpecahan berlaku di kalangan orang Islam Kelantan sehingga lebih banyak tenaga ditumpu kepada politik parti daripada pemba-

ngunan umat Islam.

"Kita lihat bagaimana seruan Islam supaya orang Islam bersatu padu diganti dengan seruan kononnya berpunca dari Islam, bahawa orang Islam patut berbalah sesama sendiri, kononnya untuk mencari jalan benar."

"Sungguhpun Islam menegah perbuatan mengkafir, dengan sewenangnya perbuatan itu dibuat oleh orang-orang yang amat cetek pengetahuan Islam dan lebih taksub kepada kepentingan politik parti dan rebutan kuasa," tambahnya.

Dalam hal ini, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan Kerajaan Kelantan dan penduduknya tidak boleh dipengaruhi oleh emosi seperti itu dan hendaklah berpegang teguh kepada ajaran Islam dalam pentadbirannya.

Katanya, ada orang mentafsirkan Islam semata-mata sebagai perbuatan potong tangan dan kepala, dan bagi mereka, Islam tidak wujud selagi tangan dan kepala tidak dipotong; walaupun Islam lebih luas dari itu.

"Janganlah kerana orang lain menyalahguna dan menyalah tafsir agama Islam untuk kepentingan mereka, kita pula turut berbuat demikian. Kita akan terus mencari jalan untuk mengembalikan mereka ke jalan benar yang direcai oleh Allah," tambahnya.

Hadir sama dalam jamuan itu ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah, Menteri Besar Datuk Haji Mohamad Yaacob, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Perdagangan dan Perindustrian Tengku Ahmad Rithauddeen, Timbalan Menteri Kerajaan dan Kemudahan Awam Datuk Dr. Nik Hussein Andul Rahman, dan Timbalan Menteri Besar Datuk Haji Hussein Ahmad.